



**KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAAN MALAYSIA**

**KENYATAAN MEDIA
INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN, MALAYSIA
SUKU TAHUN PERTAMA 2024**

**Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan meningkat 1.0 peratus
pada Suku Tahun Pertama 2024**

PUTRAJAYA, 8 Mei 2024 – Satu laporan **INDEKS HARGA PENGELUAR PERKHIDMATAN (IHPRP), SUKU TAHUN PERTAMA 2024**, yang mengukur perubahan harga pengeluar bagi sektor perkhidmatan tempatan di Malaysia telah diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia pada hari ini. IHPRP mencatatkan 115.8 mata pada suku tahun pertama 2024, peningkatan 1.0 peratus sama seperti yang dicatatkan pada suku tahun keempat 2023.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan dalam kenyataannya, “Semua subsektor merekodkan peningkatan pada suku tahun ini kecuali indeks Pengangkutan yang kekal tidak berubah. Subsektor Kesenian, Hiburan & Rekreasi meningkat 7.5 peratus (ST4 2023: 5.5%) disumbangkan oleh peningkatan dalam Aktiviti Hiburan & Rekreasi Lain (2.1%). Indeks Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman merekodkan kenaikan 2.5 peratus (ST4 2023: 3.4%) disebabkan kenaikan dalam Aktiviti Perkhidmatan Minuman (3.3%) dan Restoran & Aktiviti Perkhidmatan Makanan Bergerak (2.8%). Pada masa yang sama, subsektor lain yang mencatatkan peningkatan perlahan adalah Pendidikan (0.8%) dan Aktiviti Hartanah (0.6%). Manakala, kedua-dua indeks Kesihatan dan Profesional meningkat 0.2 peratus, diikuti oleh indeks Maklumat & Komunikasi yang meningkat sebanyak 0.1 peratus.”

Beliau mengulas lanjut, “Perbandingan suku tahun ke suku tahun menunjukkan IHPRP meningkat 0.3 peratus berbanding 0.1 peratus yang direkodkan pada suku tahun sebelumnya. Kenaikan ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Pengangkutan (0.7%), Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman (0.5%), Pendidikan (0.3%) dan

Kesenian, Hiburan & Rekreasi (0.2%). Pada masa yang sama, subsektor lain iaitu Aktiviti Hartanah, Kesihatan, Maklumat & Komunikasi dan Profesional merekodkan kenaikan sebanyak 0.1 peratus.”

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM akan menjalankan Banci Pertanian pada tahun 2024. Mohon layari <https://www.myagricensus.gov.my/> untuk maklumat lanjut. Tema adalah “Banci Pertanian, Kunci Kemajuan Pertanian.”

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah “Statistik Nadi Kehidupan”.

Jadual 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahun Pertama 2024

Subsektor	Indeks			Peratus Perubahan (%)	
	ST1 2023	ST4 2023	ST1 2024	ST1 2024/ ST4 2023	ST1 2024/ ST1 2023
JUMLAH	114.7	115.5	115.8	0.3	1.0
Pengangkutan	111.2	110.4	111.2	0.7	0.0
Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan & Minuman	149.6	152.7	153.4	0.5	2.5
Maklumat & Komunikasi	101.1	101.1	101.2	0.1	0.1
Aktiviti Hartanah	126.9	127.6	127.7	0.1	0.6
Profesional	104.4	104.5	104.6	0.1	0.2
Pendidikan	117.8	118.4	118.7	0.3	0.8
Kesihatan	107.8	107.9	108.0	0.1	0.2
Kesenian, Hiburan & Rekreasi	101.2	108.6	108.8	0.2	7.5

Carta 1: Indeks Harga Pengeluar Perkhidmatan Suku Tahunan ST1 2021 – ST1 2024



Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
8 MEI 2024



**MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**MEDIA STATEMENT
SERVICES PRODUCER PRICE INDEX, MALAYSIA
FIRST QUARTER 2024**

***The Services Producer Price Index increased by 1.0 per cent
in the First Quarter of 2024***

PUTRAJAYA, May 8th, 2024 – A report on the **SERVICES PRODUCER PRICE INDEX (SPPI), FIRST QUARTER 2024**, which measures changes in producer prices for Malaysia's domestic services sector, was released today by the Department of Statistics Malaysia. The Services Producer Price Index (SPPI) averaged 115.8 points in the first quarter of 2024, an increase of 1.0 per cent same as recorded in the fourth quarter of 2023.

The Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained in the statement that, "All subsectors recorded an increase in this quarter except Transportation which remained unchanged. Arts, Entertainment & Recreation subsector rose by 7.5 per cent (Q4 2023: 5.5%) attributed to the increase in the Other Amusement & Recreation Activities (2.1%). Index of Accommodation and Food & Beverage Service Activities went up by 2.5 per cent (Q4 2023: 3.4%) due to increases in Beverage Service Activities (3.3%) and Restaurants & Mobile Food Service Activities (2.8%). In the meantime, the other subsectors that recorded slight increases were Education (0.8%) and Real Estate Activities (0.6%). Meanwhile, both Health and Professional indices inclined by 0.2 per cent, followed by Information & Communication by 0.1 per cent."

He further elaborated that, "On a quarter-on-quarter basis comparison showed that SPPI increased by 0.3 per cent as compared to 0.1 per cent recorded in the previous quarter. The increase was contributed by Transportation (0.7%), Accommodation and Food & Beverage Service Activities (0.5%), Education (0.3%) and Arts, Entertainment & Recreation (0.2%).

In the meantime, other subsectors, Real Estate Activities, Health, Information & Communication and Professional indices recorded an increase of 0.1 per cent respectively.”

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalog of data and visualisations to facilitate users' analysis of various data and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


DOSM will conduct the Agricultural Census in 2024. Please visit <https://www.myagricensus.gov.my/> for more information. The theme is “Agriculture Census, Key to Agricultural Development.”

The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20th each year. MyStats Day theme is “Statistics is the Essence of Life”.

Table 1: Services Producer Price Index, First Quarter 2024

Subsector	Index			Percentage Change (%)	
	Q1 2023	Q4 2023	Q1 2024	Q1 2024/ Q4 2023	Q1 2024/ Q1 2023
TOTAL	114.7	115.5	115.8	0.3	1.0
Transportation	111.2	110.4	111.2	0.7	0.0
Accommodation and Food & Beverage Service Activities	149.6	152.7	153.4	0.5	2.5
Information & Communication	101.1	101.1	101.2	0.1	0.1
Real Estate Activities	126.9	127.6	127.7	0.1	0.6
Professional	104.4	104.5	104.6	0.1	0.2
Education	117.8	118.4	118.7	0.3	0.8
Health	107.8	107.9	108.0	0.1	0.2
Arts, Entertainment & Recreation	101.2	108.6	108.8	0.2	7.5

Chart 1: Quarterly Services Producer Price Index, Q1 2021 – Q1 2024



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
8th MAY 2024**